

BA284
R GB 13-01 00100
aab

Maha Menteri - ahum
KERANYAKAN SYARIKAT MALAYSIA MEMPUNYAI ASAS YANG KUKUH

KAN(AR 13 Jan (Bernama) - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kebanyakan syarikat di Malaysia menunjukkan prestasi yang baik walaupun harga saham mereka kini jatuh

Katanya syarikat-syarikat di Malaysia mempunyai asas yang kukuh kerana kebanyakannya mencatat keuntungan yang banyak dan beliau yakin harga saham mereka akan naik semula

Beliau yang diminta menyoal kedudukan harga saham yang terus menjunam di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sejak dua hari lepas berkata para pelabur tidak seharusnya menjual saham mereka sekarang tetapi perlu menunggu sehingga harga saham naik semula

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan hotel Penang Trav Lodge Kangar di sini hari ini

Ketika ditanya mengenai keghairahan orang ramai termasuk kakitangan kerajaan melabur di FKL ekoran harga saham yang melambung dua hari lepas beliau berkata ia minat yang ditunjukkan itu membolehkan mereka mengambil langkah untuk melindungi mereka supaya jangan ketertarikan lagi

♥14/01/01 34M T
BA285
R GB 13 01 00138
aab

Maha Menteri - ahum Kangar

Perdana Menteri berkata tujuan pasaran saham ialah untuk mewujudkan modal tetapi sekiranya para pelabur menjadikannya sebagai satu permainan mereka sendiri yang merasai kesannya apabila harga saham jatuh

Kerana itu katanya beberapa hari lepas beliau di samping beberapa tokoh lagi telah membuat kenyataan menasihati para pelabur supaya tidak terlalu ghairah di pasaran saham

Harga naik-turun mengikut permintaan kalau wang asing masuk dengan banyak harga saham akan naik tetapi apabila pelabur asing menjual balik saham itu harga akan turun Oleh kerana itu kita harus berhati-hati katanya

Beliau berkata kerajaan percaya kejatuhan harga saham yang berlaku sekarang hanya sementara kerana syarikat-syarikat di Malaysia mempunyai asas yang kukuh

Kepada soalan lain beliau berkata kerajaan tidak akan membant para pelabur sekiranya harga saham terus menjunam -- Lagi

♥14/01/08-34MST

CNS6185

U GB 13-01 00148 BA286

aab

Mahathir - Saham 3 Kangar

" 'No bail out', kita dah bagi tahu awal-awal lagi bahawa ini pasaran saham, kita tak dapat apapun. 'Capital appreciation' tak kena cukai, kalau mereka bayar cukai, bolehlah kita bayar balik kepada mereka.

"Tetapi bila dia dapat, dia tidak kata pula patut tolong kerajaan (dengan) membayar cukai. Dia dapat banyak, yang jadi jutawan bukan main ramai," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai ramalan kononnya harga saham akan terus kukuh tahun ini kerana ia merupakan tahun pilihan raya, beliau berkata:

"Tak ada kena mengena dengan pilihan raya, saya fikir kalau kita berpegang kepada 'fundamentals' prestasi syarikat-syarikat itu, kita tidak akan rugi. Kita kajilah tengok, kalau syarikat itu untung, walaupun harga sahamnya turun sekejap, lambat-laun ia akan naik, kena yakinlah sedikit.

"Saya tak main saham, 'even on the weekends I don't,'" katanya. -- Lagi

▼13/01/19-25MST

CNS6201

U GB 13-01 00135 BA289

aab

Mahathir - Saham 4 (Akhir) Kangar

Ketika diminta mengulas lanjut projek tebus guna tanah pesisiran pantai di Perlis, Kedah hingga ke Pulau Pinang yang dinyatakannya dalam ucapan merasmikan terminal feri baru Kuala Perlis terdahulu itu, beliau berkata, kerajaan pada prinsipnya bersetuju melaksanakan projek tebus guna itu untuk tujuan pembangunan industri dan pelancongan.

Katanya, kerajaan bersetuju untuk menebus guna tanah di sebelah pantai barat Semenanjung kerana pantai-pantainya tidak begitu indah disebabkan berlumpur sedangkan lebih banyak kawasan diperlukan untuk perindustrian.

Menurutnya, setakat ini tiada kajian atau pelan yang menyeluruh mengenai projek itu tetapi terpulang kepada pemaju yang berminat untuk melaksanakannya.

Beliau memberi contoh, tanah yang ditebus guna boleh digunakan untuk mendirikan kilang perindustrian seperti kilang baja, kilang petrokimia ataupun untuk projek pelancongan. -- Bernama

KHY SIA